

11 JAN 1997

Mahathir-NGO

NGO PERLU DIURUS DENGAN TERTIB, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno hari ini menyatakan rasa tidak puas hati terhadap pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang disalah gunakan oleh beberapa orang tertentu untuk menjadi pendesak masyarakat dan memburuk-burukkan kerajaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata banyak NGO yang berselindung dengan mendaftarkan diri dengan pendaftar syarikat dan tidak diurus secara tertib seperti badan-badan lain di negara ini.

"Kita hendak NGO supaya betul-betul menyuarakan pendapat orang ramai dan bukan pendapat satu, dua orang saja," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti.

Oleh itu NGO perlu mengadakan pertubuhan yang didaftar yang mempunyai pegawai-pegawai tertentu yang menyimpan rekod-rekod tertentu termasuk rekod kewangan dan punca-punca kewangan mereka, kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno.

"Dengan cara ini, kita boleh menentukan bahawa hanya NGO yang betul-betul dapat menjalankan tugas yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara saja yang bergerak cergas dan NGO ini tidak disalahgunakan oleh orang tertentu untuk menjadikan pendesak kepada masyarakat dengan cuba memburuk-burukkan imej badan-badan tertentu," katanya.

Dr Mahathir menyebut mengenai usaha yang dilakukan oleh NGO tertentu baru-baru ini untuk menghakis keyakinan orang ramai terhadap polis kononnya polis melakukan kekerasan.

"Mereka mendapat sokongan yang kuat daripada NGO negara asing, yang turut menghantar surat kepada kerajaan dengan nada dan isi kandungan yang sama," kata beliau.

Ini seolah-olah menunjukkan kemungkinan adanya koordinasi untuk membantah terhadap Malaysia sedangkan NGO di negara ini tidak pula membantah terhadap kekerasan polis dan pencabulan hak asasi di negara-negara lain.

"Kita ingin tahu kenapa," kata Dr Mahathir.

Mesyuarat hari ini turut membincangkan mengenai peranan akhbar dan menyambut baik langkah media mendedahkan segala penyelewengan sama ada oleh kerajaan atau di luar kerajaan tetapi berpendapat teguran yang dibuat mestilah berasaskan kepada kebenaran dan bukan maklumat yang tidak tepat.

"Kita berharap akhbar yang memainkan peranan yang amat penting dalam masyarakat kita sedar akan kuasa yang ada pada mereka dan menggunakan kuasa ini secara berhati-hati supaya tidak menimbulkan masalah dalam masyarakat," katanya.

Dr Mahathir berkata perkara itu dibincangkan kerana banyak teguran dibuat terhadap akhbar yang kadang-kadang membuat laporan atau analisis tidak tepat terhadap sesuatu.

Katanya ada akhbar memberi penghargaan kepada orang yang tidak sebenarnya layak diberi penghargaan dan tidak memberi penghargaan kepada orang yang sepatutnya diberi penghargaan.

"Kita cuma hendak supaya mereka betul mengambil berat tentang tanggungjawab berat yang telah diberikan kepada mereka sebagai satu daripada badan dalam sebuah negara demokrasi," katanya.

Dr Mahathir berkata mesyuarat itu juga menyokong dasar luar negara kerajaan yang bertujuan ingin berbaik-baik dengan negara membangun.

"Malaysia sememangnya cuba menolong negara-negara berkenaan kerana mereka jelas berasa terhutang budi dan mengalu-alukan sokongan yang

diberikan oleh Malaysia terhadap pembangunan mereka," katanya. -- BERNAMA  
AZZ MAI